

15/03/2004

PM temui petugas BN Lembah Kinta

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan menemui petugas Barisan Nasional (BN) Lembah Kinta, khususnya Parlimen Ipoh Timur bagi memastikan kemenangan calon BN di sini, petang ini.

Kehadiran Pengerusi BN itu bagi memberi perangsang dan semangat untuk memastikan BN menumpaskan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang yang bertanding di Parlimen Ipoh Timur dan konconya yang berhajat menjadikan Perak antara negeri utama mereka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pula dijadualkan datang ke sini bagi membantu kempen BN di Lembah Kinta, Jumaat ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berkata, Perdana Menteri memilih melawat Bilik Gerakan Parlimen Ipoh Timur kerana calon BN, Thong Fah Chong akan menghadapi Lim iaitu seorang calon veteran pembangkang yang berpengalaman.

"Perdana Menteri akan turun bagi memberi sokongan kepada calon BN di sini," katanya kepada pemberita selepas melawat calon BN dari Gerakan, Vincent Hooi Wy-Hon yang dimasukkan ke Hospital Pantai Putri selepas terbabit dalam kemalangan di sini, semalam.

Tajol Rosli berkata, Perdana Menteri dijangka tiba di sini pada jam 2.30 petang untuk melawat bilik gerakan Parlimen itu.

"BN negeri juga akan meminta supaya Perdana Menteri memberi amanat kepada petugas BN Lembah Kinta sebelum pulang ke Kuala Lumpur jam 5 petang," katanya.